MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Selasa, 23 November 2021

Bil. 10/2021

MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding Mengenai:

Perkhidmatan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan

1. **Jabatan Audit Negara (JAN)**
   YBhg. Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid,
   Ketua Audit Negara

PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
SELASA, 23 NOVEMBER 2021

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Pengerusi*
YB. Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
YB. Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]
YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]
YB. Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]
YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]

Tidak Hadir *[Dengan Maaf]*

YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
YB. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]
YB. Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]
YB. Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]
YBrs. Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin - *Setiausaha PAC / Setiausaha Dewan Rakyat*

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Penolong Setiausaha Seksyen Jawatankuasa Pilihan, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkifli [Juruaudit Seksyen Jawatankuasa Pilihan, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA *(samb/-)*

Jabatan Peguam Negara (AGC)
Puan Hamizah Abd. Manaf [Peguam Kanan Persekutuan]

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan (Perkhidmatan)]

Kementerian Kewangan (MOF)
Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha Unit Kawalan dan Pemantauan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Jabatan Audit Negara (JAN)
YBhg. Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid [Ketua Audit Negara]
YBrs. Dr. Alifah Aida bte Lope Abdul Rahman [Pengarah Audit Sektor Audit Prestasi (Bahagian Audit ICT)]
Puan Nor Hanani binti Lias [Penolong Pengarah Audit Sektor Audit Prestasi (Bahagian Audit ICT)]
Encik Mohd Shakib bin Ishak[Penolong Pengarah Audit Sektor Audit Prestasi (Bahagian Audit ICT)]

Jabatan Akauntan Negara
Encik Mohd Sabree bin Yaakub [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi) (Seksyen Pengurusan Perakaunan Persekutuan)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
Encik Mohamad Khairol Mohamad [Penolong Kanan Rasuah]

SAKSI

Jabatan Perdana Menteri (JPM)
YBhg. Datuk Mohammad bin Ismail [Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)]
Encik Azman bin Mahmood [Setiausaha Bahagian Audit Dalam (Bahagian Audit Dalam)]
Encik Norazmi bin Ibrahim [Ketua Seksyen Audit 7 (Bahagian Audit Dalam)]

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM)
YBhg. Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail [Ketua Pengarah]
Encik Khairuddin bin Yahaya [Perunding ICT (Bahagian Perundingan ICT)]
Puan Zaiha binti Mat Nor [Timbalan Pengarah (Bahagian Perundingan ICT)]
Encik Aimi Fadzi bin Mokhtar [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Pembangunan Perkhidmatan Gunasama Infrastruktur dan Keselamatan ICT)]
Encik Mahathir bin Abdul Hamid [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Pembangunan Perkhidmatan Gunasama Infrastruktur dan Keselamatan ICT)]

LAPORAN PRA PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KETIGA

Selasa, 23 November 2021

Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.34 pagi

*[Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Pengerusi: Jam 10.34 pagi saya memanggil mesyuarat ini. Salam sejahtera dan selamat pagi. Selamat datang saya ucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Juga saya ucapkan terima kasih kepada *ex-officio* yang hadir AGC, JPA, MOF, JAN, Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, dan juga Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Pada pagi ini PAC Parlimen akan memulakan prosiding baharu berhubung Perkhidmatan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan (MyGov*Net) di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) yang dilaporkan dalam LKAN Tahun 2019 Siri 2.

Seperti biasa sebelum kita memanggil saksi-saksi dari JPM dan MAMPU masuk untuk memberikan penjelasan, jawatankuasa ini terlebih dahulu akan mengadakan mesyuarat pra prosiding dengan mendengar taklimat dan penjelasan daripada Ketua Audit Negara berhubung isu ini. Seperti biasa yang hadir di hadapan PAC adalah Yang Berbahagia Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid, Ketua Audit Negara. Terima kasih kerana hadir sekali lagi di hadapan PAC. Yang Berusaha Dr. Alifah Aida binti Lope Abdul Rahman, Pengarah JAN serta barisan pegawai-pegawai daripada JAN.

Seperti yang kita telah mula pada minggu lepas, bagi *ex-officio,* saya ingin menjemput *ex-officio* untuk memberikan sedikit pandangan berkenaan dengan kes yang akan disiasat pada pagi ini dan pandangan tersebut sama ada membabitkan perolehan kah, peruntukan kewangan atau sebarang kesalahan dalam isu MyGov*Net ini. Jadi, kita akan mulakan dengan AGC diikuti dengan JPA dan selanjutnya. Dipersilakan, AGC.

Puan Hamizah Abd. Manaf [Peguam Kanan Persekutuan, Jabatan Peguam Negara (AGC)]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya wakil daripada AGC. Okey, setelah meneliti kertas yang dibentangkan sebelum ini di dalam LKAN, kita dapati bahawa kebanyakan isu-isu yang dibangkitkan ini adalah lebih kepada isu-isu pemantauan dan pengurusan kontrak. *It's up* kepada Jawatankuasa PAC untuk menentukan sama ada perkara ini perlu— sebab...

Tuan Pengerusi: *Any element* yang berkaitan dengan tafsiran kontrak tak?

Puan Hamizah Abd. Manaf: Saya nampak macam tidak ada Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Okey. Ya, kita sambung ke JPA.

Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan (Perkhidmatan), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)]: Bagi JPA, tiada jawatankuasa siasatan ditubuhkan kerana kami tidak menerima sebarang teguran punitif dari Jabatan Audit Negara.

Tuan Pengerusi: Jabatan Akauntan Negara.

Encik Mohd Sabree bin Yaakub [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi) (Seksyen Pengurusan Perakaunan Persekutuan), Jabatan Akauntan Negara]: Ada, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya. Sila.

Encik Mohd Sabree bin Yaakub: Jadi, apa yang kita lihat di sini adalah lebih kepada yang isu berkaitan dengan pemantauan perkhidmatan yang diberikan, Tuan Pengerusi. *So*, jadi selain itu kita tidak nampak yang— inilah. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya. Terima kasih. SPRM.

Encik Mohamad Khairol Mohamad [Penolong Kanan Rasuah, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)]: Tuan Pengerusi, selamat pagi. Ikutkan kita lihat dari segi *governance* sahajalah di isu ini. Itu sahaja. *Governance*.

Tuan Pengerusi: Okey, *so far* belum ada apa-apa isu punitiflah?

Encik Mohamad Khairol Mohamad: Ya.

Tuan Pengerusi: Okey, kita akan teruskan dan *last* EPU. EPU ada? Oh, belum? Okey. MOF perlu tidak? MOF? Ya.

Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha Unit Kawalan dan Pemantauan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat), Kementerian Kewangan (MOF)]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Saya wakil dari MOF untuk prosiding kali ini. Secara *general,* saya tengok ada terdapat pembaziran wang kerajaanlah dalam isu yang terlibat dalam teguran LKAN kali ini. Kemungkinan boleh— mungkin perlu panjangkanlah untuk tindakan pegawai-pegawai yang terlibat. Itu sahaja Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. *So*, maka dengan itu— *so very quick one. So*, terima kasih kepada semua *ex-officio* atas input tambahan dan jadi tanpa membuang masa saya menjemput Yang Berbahagia Datuk Ketua Audit Negara untuk memberikan penjelasan dan penjelasan terkini daripada JAN untuk isu ini termasuk status setiap isu dalam *AG Dashboard* dan sebagainya. Jika ada apa-apa persoalan bolehlah bangkit kepada Ketua Audit Negara dan dengan itu saya menjemput Yang Berbahagia Datuk Ketua Audit Negara. *I think* masa diperuntukkan sejam atau kurang daripada itu. Terima kasih.

■1040

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid [Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh selaku Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, pegawai-pegawai daripada *ex-officio* dan juga rakan-rakan saya dari Jabatan Audit Negara.

Pembentangan kali ini adalah berkenaan dengan perkhidmatan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan (MyGov*Net) yang ditadbirkan oleh MAMPU. Dari segi isi kandungan pembentangan hari ini, kita akan menumpu kepada 13 isu audit daripada yang kita sebutkan di bawah daripada (a) sehingga (m) itu ya, 13 isu audit. Kebanyakannya adalah berkaitan dengan kelemahan pengurusan kontraklah antaranya dan kita dapati tiada isu punitif, kebanyakannya korektif. Saya akan huraikan selepas ini.

Seterusnya, sebagai latar belakang. Perkhidmatan MyGov*Net ini ialah perkhidmatan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan iaitu *Government Integrated Telecommunication Network* yang diurus secara berpusat. Ia merupakan infrastruktur khusus yang menghubungkan agensi-agensi kerajaan bagi mencapai perkhidmatan dalam talian. Perkhidmatan MyGov*Net telah dilaksanakan pada bulan Januari 2013 sebagai kesinambungan daripada perkhidmatan rangkaian EG*Net yang bermula tahun 1999. Kontraktor yg dilantik secara rundingan terus ialah syarikat GITN Sdn. Bhd. melalui kaedah penswastaan, BOO (*Build-Operate-Own*). Projek dilaksanakan selama 10 tahun bermula 1 Januari 2013 sehingga 31 Disember 2022, makna hujung tahun hadapanlah dengan nilai kontrak asal sebanyak RM4.368 bilion. Ada terdapat empat kontrak tambahan yang telah ditandatangani melibatkan kos tambahan sebanyak RM1.94 bilion, menjadikan kos keseluruhan MyGov*Net adalah RM6.3 bilion. Sehingga Disember 2020, sebanyak RM4.758 bilion telah dibuat pembayaran.

Dua objektif utama pelaksanaan MyGov*Net ialah mewujudkan satu infrastruktur Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan yang selamat khususnya untuk sektor awam dan diurus secara berpusat. Kedua, menyediakan satu platform kepada agensi-agensi kerajaan bagi membolehkan capaian kepada aplikasi-aplikasi kerajaan yang dibangunkan secara elektronik, aplikasi dalaman agensi, intranet dan capaian Internet.

Seterusnya, ini skop perkhidmatan. Ia ada tiga skop iaitu pertama, rangkaian kawasan luas atau *wide area network* (WAN). Kedua, Rangkaian Kampus Putrajaya atau *Putrajaya Campus Network* (PCN). Ketiga, perkhidmatan pilihan. Perkhidmatan rangkaian kawasan luas menggunakan teknologi yang bersesuaian mengikut lokasi agensi. Teknologi yang digunakan terbahagi kepada empat jenis iaitu *Internet protocol*

virtual, *private network, mobile, asymmetric digital subscriber line* dan *very small aperture terminal.* Ini istilah-istilah teknikal Yang Berhormat. Perkhidmatan Rangkaian Kampus Putrajaya menyediakan operasi mengurus, melaksana dan memantau operasi harian rangkaian kepada agensi kerajaan di Putrajaya dan di Cyberjaya. Perkhidmatan pilihan pula disediakan oleh kontraktor meliputi 16 jenis pilihan yang boleh digunakan oleh agensi yang menggunakan perkhidmatan MyGov*Net. Itu secara umumnya projek ini.

Seterusnya kepada objektif dan skop pengauditan. Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan perkhidmatan rangkaian MyGov*Net ini dilaksanakan secara berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif pelaksanaan. Skop audit meliputi dua bidang utama iaitu prestasi perkhidmatan dan pengurusan perkhidmatan. Dari segi prestasi perkhidmatan, kita melihat kepada dua aspek utama iaitu pencapaian *output* iaitu dari segi pencapaian *deliverables* dan pencapaian keberhasilan ataupun *outcome*. Tadi ada dari segi *outcome* kan, dengan membuat penilaian terhadap perkhidmatan yang diberikan. Dari segi pengurusan perkhidmatan, kita melihat juga dari segi pengurusan kewangan dan pemantauan perkhidmatan. Bagaimana perkhidmatan itu dilaksanakan dari segi pengurusan.

Seterusnya, seperti yang saya katakan tadi ada 13 isu audit yang kita temui dan isu pertama dari segi pencapaian *output*, *service level guarantee*. Kriteria menyebut bahawa pihak kontraktor hendaklah mematuhi ketetapan *service level guarantee* (SLG) yang ditetapkan. Pihak kerajaan berhak menuntut *rebate* sekiranya kontraktor gagal mencapai *downtime* dan *service level guarantee* yang telah ditetapkan. Dari segi penemuan audit, kita dapati bahawa dua aduan tidak mencapai *service level guarantee* iaitu melebihi *downtime* dan *rebate* tidak diterima sebanyak RM254. Tempoh *downtime* yang dibenarkan ialah 2 jam 17 minit. Walau bagaimanapun, *downtime* yang sebenar telah mencapai 7 jam 53 minit dan 11 jam 16 minit. Jadi, berdasarkan kepada maklum balas yang kita terima daripada pihak MAMPU pada 15 September 2020 dan 9 Januari 2021, terdapat kesilapan masa mengekstrak data bulan Januari 2019 dan September 2019, di mana terdapat tiket berstatus selesai dan ditutup pada bulan berikut. Permohonan bayaran balik bagi dua lokasi yang dikenakan *rebate* telah diluluskan dan bayaran balik telah pun diperbuat pada 4 Disember 2020.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort]: Datuk, *assalamualaikum*. Saya nak tanya, apa bayaran balik ini? Untuk tujuan apa itu?

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Bayaran balik itu bila sebab dia lebih daripada *downtime* yang dibenarkan adalah 2 jam 17 minit sahaja, tetapi yang berlaku 7 jam *downtime,* dengan 11 jam. Jadi, dia kena dendalah. Jadi, patut dia kena kan. Bila

audit tegur, baru dia semak balik dan baru dia kutip baliklah dan dah dikutiplah. Oleh sebab itu kita anggap sebagai bukan tindakan punitif. Memang ada kesilapan di situ, tetapi kita anggap sebagai kesilapan yang tidak disengajakan.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Saya...

Tuan Pengerusi: Ya, sila Yang Berhormat Papar.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan: Ya. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin bertanya ini, *rebate* yang tidak diterima RM254 ini adakah ini satu jamkah, dua jamkah atau tujuh jamkah atau macam mana? Kalau kita tengok daripada *the amount of investment* yang kita bagi berbilion ringgit dan *rebate* RM254 ini macam *very insignificant* kalau kira— *I mean*, biasalah kan kalau kita dalam audit ini, *anything significant* barulah kita buat apa kata orang, di-*highlight*.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Audit ini dari segi ketidakpatuhan, satu sen pun dia *report*. *[Ketawa]*

■1050

Jadi maknanya kecil pun kita *report* jugalah. Dipersilakan Dr. Aida *next.*

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih atas pandangan Yang Berhormat Papar. Sila ya Yang Berhormat Kluang.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Datuk, minta tanya yang *downtime* ini adalah *downtime* untuk apa? Servis?

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Maknanya perkhidmatanlah. Kalau perkhidmatan itu tak dilaksanakan katalah internet tak ada, talian putus, maknanya hanya dua jam sahaja untuk *repair* dan sebagainya. Itu kita terimalah tapi lebih daripada itu kita anggap kita denda, kita *rebate*-lah.

Tuan Pengerusi: Okey terima kasih Yang Berhormat Datuk.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Terima kasih. Isu yang kedua juga pencapaian output daripada segi penyelenggaraan pencegahan. Daripada segi kriteria menyebut pihak kontraktor perlu melaksanakan aktiviti penyelenggaraan pencegahan bagi mengelak berlakunya gangguan sumber tenaga yang melibatkan *IP network* serta perolehan peralatan rangkaian.

Penemuan audit kita dapati bahawa mekanisme pemantauan penyelenggaraan pencegahan tiada dalam kontrak. Jadi, kontrak itu tidak sebut daripada segi itulah. Jadi itu kelemahan-kelemahan kontraklah juga, Tuan Pengerusi. Sebab itu *again* kita kata tidak ada isu punitif. Mungkin kecuaian semasa melaksanakan itu juga kita hendak *narrow down* kepada siapa pun susah juga daripada segi itulah. Laporan secara berkala tidak disediakan, status pemantauan penyelenggaraan pencegahan tahun 2014 hingga 2016 tidak dapat disahkan.

Tuan Pengerusi: Apakah maksud penyelenggaraan pencegahan Datuk?

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: *Preventive maintenance.*

Tuan Pengerusi: *Preventive maintenance.*

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Maknanya dia kena *maintain* supaya pastikan alat-alat itu sentiasa *up to standard* supaya perkhidmatan itu tidak terjejas. Pihak audit tidak dapat mengesahkan status pemantauan kerana borang tidak dikemukakan untuk tujuan semakan. Jadi kita tidak dapat sahkanlah penyelenggaraan pemantauan itu daripada segi pemantauan itu.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Ini apa Yang Berhormat Datuk, mekanisme pemantauan penyelenggaraan pencegahan tiada dalam kontrak. Adakah sudah di-*check* dengan mereka siapa yang *vetted the agreement* itu. Pihak AG kah macam mana sebelum ditandatangani?

Dr. Alifah Aida bte Lope Abdul Rahman [Pengarah Audit Sektor Audit Prestasi (Bahagian Audit ICT), Jabatan Audit Negara]: Selamat pagi Tuan Pengerusi dan juga Yang Berbahagia Datuk. Untuk kebiasaannya di kementerian, penyediaan kontrak adalah berdasarkan kepada PUU kementerian itu sendiri. Jadi, kontrak tersebut telah pun di-*vet*-lah, di *go through* sebelum ditandatangani. Jadi pada ketika itu mungkin mereka terlepas pandang bahawa *preventive maintenance* tidak dimasukkan dalam salah satu klausa dalam kontrak. Cumanya dia ada disediakan aktiviti yang— tapi tidak secara berkala dan penyelenggaraan ini dibuat apabila dapat aduan daripada kementerian.

So, dia laksanakan juga tapi bila ada keperluan dan *only* adalah aktiviti penyelenggaraan tersebut.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Tuan Pengerusi, kalau ada aduan apa namanya— kegagalan kah atau aduan tiadanya *preventive maintenance* ini?

Dr. Alifah Aida bte Lope Abdul Rahman: Seperti yang kita paparkan tadi, terdapat tiga jenis servis daripada MyGov*Net antaranya ialah perkhidmatan bekalan— perkhidmatan pilihan. Perkhidmatan pilihan ini adalah peralatan yang seperti menyediakan *switchers, router, cable. So* penyelenggaraan itu adalah berdasarkan *equipment* tersebut bukan dari segi *network* ataupun rangkaian yang disediakan oleh perkhidmatan MyGov*Net.

Jadi penyelenggaraan pencegahan ini adalah sejauh mana GITN atau MAMPU untuk dia memeriksa *equipment* seperti *switchers, router* dan sebagainya ini adalah *up to the standard* seperti Yang Berbahagia Datuk *mentioned* tadi.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Jadi, maklum balas yang kita terima daripada MAMPU bertarikh 27 Ogos 2021 menyatakan bahawa MyGov*Net merupakan

perkhidmatan terurus di mana semua peralatan rangkaian adalah di bawah tanggungjawab dan hak milik kontraktor. Selain itu, ketersediaan capaian perkhidmatan adalah berdasarkan *service level guarantee* seperti yang termaktub dalam kontrak. Penyelenggaraan pencegahan juga merupakan salah satu cara kontraktor bagi memastikan *service level guarantee* dapat dicapai. Makna dia serah kepada kontraktorlah penjelasan itu. Akan tetapi sepatutnya kalau boleh kita ada mekanisme pemantauan di pihak MAMPU sebagai agensi bertanggungjawab tapi itu setakat itulah yang dibuatnya.

Saya teruskan kepada ketiga, pencapaian output perkhidmatan pilihan. Kriteria yang disebut adalah pihak kontraktor perlu membuat lawatan tapak untuk mengenal pasti lokasi fizikal dan ketersediaan tapak. Kita dapati bahawa penemuan audit— sebab untuk makluman perkhidmatan pilihan ini terdapat berdasarkan kontrak, pihak kontraktor perlu menyediakan 16 jenis perkhidmatan pilihan dan dalam aspek relokasi pihak kontraktor perlu membuat lawatan tapak untuk mengenal pasti lokasi fizikal dan ketersediaan tapak berkenaan seperti yang disebut dalam kriteria.

Semakan audit mendapati kawal selia padi dan beras cawangan Kota Kinabalu menggunakan teknologi IPVPN dengan saiz lebar jalur 2 *Megabytes per second.* Agensi berkenaan dijangka berpindah ke lokasi baharu pada 1 Februari 2019 dan berbincang dengan MAMPU serta ibu pejabat telah dilaksanakan bagi memindahkan peralatan MyGov*Net sedia ada ke pejabat baharu di Lintas Jaya, Kota Kinabalu. Permohonan untuk perpindahan peralatan ke lokasi baharu telah dibuat melalui sistem MyGovOSF pada 16 Januari 2019.

Berikutan dengan itu, arahan kerja bagi penamatan talian telah dikeluarkan oleh MAMPU pada 28 Januari 2019 dan telah ditamatkan oleh kontraktor pada 4 Februari 2019. Pada 4 Februari ditamatkan. Walau bagaimanapun, perpindahan ditangguhkan ke lokasi baharu kerana lokasi belum sedia sepenuhnya. Maknanya dia bagi notis untuk penamatan servis dan pindah ke tempat baharu, tetapi dia tak jadi pindah pada tarikh tersebut. Jadi, akibatnya bila kontraktor telah ditamatkan sebelum lokasi baharu itu berpindah atau digunakan, perkhidmatan MyGov*Net terputus selama 44 hari. Kontraktor hanya membekalkan teknologi ADSL berkelajuan 2 *Megabytes per second* pada 20 Mac 2019. Lewat 44 harilah.

Dalam tempoh itu tak ada perkhidmatanlah. Kesilapan daripada segi ini. Dia sudah bagi notis untuk pindah tetapi tak jadi pindah tapi dia tidak maklumkan kemudian. Jadi, kontraktor di sini pun ada juga kesilapan kontraktor. Sepatutnya kontraktor pergi ke lokasi baharu dan semak. Dia tak semak dia terus potong perkhidmatan itu. Ini pun melanggar kriteria ya. Jadi, agensi tidak mendapat perkhidmatan MyGov*Net selama 44 hari. Jadi, berdasarkan maklum balas yang kita terima daripada MAMPU, pihak

kontraktor telah membuat penamatan tujuh hari selepas tarikh *notice to commence* penamatan perkhidmatan dikeluarkan dan dilaksanakan secara automatik melalui sistem.

Agensi memaklumkan perpindahan ditangguhkan setelah talian ditamatkan. Agensi pun lewat jugalah. Silap agensi juga dalam kes ini. Cuma kontraktor pun bertanggungjawab sepatutnya seperti saya katakan tadi. Patutnya dia pergi semak dulu. Kalau ikut kriteria kontrak itu, dia perlu membuat lawatan. Dia tidak membuat lawatanlah.

Puan Wong Shu Qi: Tuan Pengerusi, boleh tanya. Datuk, dalam kes ini boleh tanya agensi mana yang terjejas dan beberapa agensi yang kena dalam kes ini. Terima kasih.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Agensi kawal selia padi— sekejap. Agensi Kawal Selia Padi dan Beras cawangan Kota Kinabalu sahaja. Satu sahaja itu sahaja.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Satu sahajalah Datuk ya?

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Ya, ya. Okey.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Ini Tuan Pengerusi dan Datuk. Memang ada dalam perjanjian dalam kontrak bahawa pihak kontraktor perlu membuat lawatan tapak untuk mengenal pasti lokasi fizikal dan ketersediaan tapak. *So, in your observation this was not done* ya?

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Ya.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Ya okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya boleh Datuk.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Saya seterusnya kepada perkara keempat iaitu pencapaian output juga. Perkhidmatan berbayar *Putrajaya Campus Network.*

■1100

Kriteria menyebut bahawa berdasarkan kontrak perancangan pemasangan dan perkhidmatan berwayar *Putrajaya Campus Network* (PCN) dijadualkan pada bulan Januari sehingga September 2019. Namun, semakan audit mendapati perancangan telah dijadualkan semula antara bulan Oktober 2019 sehingga November 2020 kerana kelewatan kontraktor. *User acceptance testing* (UAT) bagi perkhidmatan berwayar *Putrajaya Campus Network* telah dilaksanakan di 57 daripada 60 buah bangunan kerajaan di Putrajaya di Blok C1, C2 dan C3 dijadualkan semula pada Januari 2021 hingga 17 Februari 2021 kerana agensi memohon untuk tangguhkan pemasangan

perkhidmatan berwayar ke hujung pelaksanaan PCNMS, *Putrajaya Campus Network Management System.*

Semakan audit selanjutnya mendapati kelewatan pemasangan perkhidmatan berwayar ini iaitu antara 38 hari sehingga 267 hari. LAD belum dikenakan kepada kontraktor sebab ini berlaku atas kesilapan kontraktorlah barang tidak sampai jadi bukan silap MAMPU ataupun kerajaan. Pihak audit juga tidak dapat menentukan jumlah LAD yang perlu dikenakan ke atas kontraktor kerana maklumat caj perkhidmatan *post-migration wired service* dan caj *pre-migration Putrajaya Campus Network wired service* tidak diberikan.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kiraan kasar daripada kontrak LAD yang boleh dikenakan adalah RM143,469. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada MAMPU pada 1 November 2021, baru jugalah kita terima, LAD untuk kelewatan berwayar masih dalam semakan pihak MAMPU dan dijangka selesai bulan Disember ini. Mereka masih mengiralah sebenarnya. Jadi, dia kata Disember baru selesai.

Seterusnya pencapaian *output* juga, perkhidmatan tanpa wayar *Putrajaya Campus Network*. Berdasarkan kontrak, perancangan pemasangan perkhidmatan tanpa wayar *Putrajaya Campus Network* dijadualkan pada bulan Jun 2018 hingga Mac 2019. Akan tetapi, perancangan telah dijadualkan semula antara bulan April 2019 hingga September 2019. Lewat jugalah. Semakan audit mendapati punca penjadualan semula terhadap perancangan asal kerana kelewatan pembekalan peralatan oleh kontraktor. Jadi, kontraktor jugalah di sini silap. Kesilapan atau kelewatan itu disebabkan oleh kontraktor.

Penjadualan semula ini menyebabkan bangunan yang lewat dibekalkan perkhidmatan tanpa wayar *Putrajaya Campus Network* perlu menggunakan rangkaian dan peralatan sedia ada yang masih beroperasi seperti biasa. Maknanya, kena pakai yang sedia ada lah. Berdasarkan minit mesyuarat Jawatankuasa Pemandu MyGov*Net Bil.12 Tahun 2020, *user acceptance testing* bagi perkhidmatan tanpa wayar *Putrajaya Campus Network* telah selesai dilaksanakan pada 20 Januari 2020. Makna masih lewat lagilah ke atas 60 buah bangunan kerajaan di Putrajaya.

Hasil semakan audit terhadap *user acceptance testing* itu perkhidmatan tanpa wayar mendapati 10 buah bangunan di Putrajaya mengalami kelewatan pemasangan antara 183 hari hingga 244 hari. Anggaran audit LAD adalah sebanyak RM13,996 dan belum dikenakan lagi kepada kontraktor. Jadi, kita dapat maklum balas daripada MAMPU bahawa LAD telah dikenakan sebanyak RM75,342.32. Maknanya, jangkaan kita lebih rendahlah. Ini anggaran audit tadi, ya RM13,966 sahaja. MAMPU mengira

sendiri RM75,342.32. Nombor bayaran baucar adalah – telah dibayar pada 25 Jun 2021. Maknanya, selepas teguran audit itu mereka ambil tindakanlah.

Keenam, pencapaian *output...*

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita selalu dengarlah projek-projek ini mestilah berasakan kepada permohonan dan juga keperluan-keperluan. Kita selalu dengar tentang projek-projek lambat ini. Kalau sudah 183 hari– sepatutnya ada pengawal-pengawal yang sentiasa melihat dan juga memantau projek-projek tersebut. Contohnya, kalau 10 atau 20 hari itu mungkinlah juga boleh kita terima tetapi kalau sudah sampai 183 hari, berapa ratus hari kan, itu satu perkara yang agak pelik. Mungkin *main contractor* ada juga *sub, sub* yang mungkin menyebabkan kelewatan dari segi sudut kontraktor dan sebagainya. Mungkin ada pandangan daripada Ketua Audit Negara.

Dr. Alifah Aida bte Lope Abdul Rahman: Yang Berhormat, sebenarnya kebiasaannya di kementerian bila ada projek dia mesti *appoint Project Manager Officer* (PMO). Kebiasaannya PMO ini yang akan memantau status projek-projek bermulanya tarikh kontrak ditandatangani sehinggalah pelaksanaan projek tersebut. *So,* daripada kes ini sebenarnya kita dapati kontraktor itu yang lewat disebabkan penjadualan semula *so,* itu yang pihak MAMPU kenakan LAD kepada kontraktor tersebut.

PMO ada cuma, *that is why* kita tadi daripada aspek pemantauan dan pelaksanaan yang perlu diperbaiki dan dikuatkuasakanlah daripada aspek aktiviti dan pelaksanaan mereka.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Dalam kes ini juga, kelewatan itu seperti yang saya sebutkan tadi adalah kerana bekalan barangan tidak diterima tetapi masih kelemahan kontraktorlah maknanya. Maknanya, kalau *team* itu lebih proaktif sekurang-kurangnya lebih memberi tekanan mungkin boleh mengurangkan lagi kelewatan itulah. Peranan PMO itu penting juga daripada segi ini.

Tuan Pengerusi: Ada apa lagi? Tidak ada, sambung?

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Saya pergi yang keenam. Masih pencapaian *output* perkhidmatan keselamatan rangkaian *Putrajaya Campus Network*.

Berdasarkan *schedule 1A* kontrak, kontraktor hendaklah membekalkan perkhidmatan keselamatan rangkaian *Putrajaya Campus Network* yang terdiri daripada dua elemen iaitu infrastruktur keselamatan rangkaian berwayar dan tanpa wayar dan sistem sokongan *Putrajaya Campus Network.* Semakan audit mendapati infrastruktur untuk keselamatan rangkaian dan sistem sokongan *Putrajaya Campus Network* telah dilaksanakan mengikut ketetapan kontrak. *User acceptance testing* bagi infrastruktur keselamatan telah dilaksanakan pada 23 November 2018 dan 14 Disember 2020. Manakala, *user acceptance testing* bagi sistem sokongan telah dilaksanakan pada 23

November 2018. Agensi juga telah diberikan ID untuk pencapaian ke NMS bagi pemantauan rangkaian *Putrajaya Campus Network.*

Semakan audit selanjutnya mendapati kontraktor telah melantik pihak ketiga dan telah dipersetujui oleh MAMPU bagi melaksanakan penilaian hak keselamatan ICT, *Security Posture Assessment* ke atas rangkaian MyGov*Net pada tahun 2021. Walau bagaimanapun, tiada klausa kontrak berkenaan dengan pelaksanaan *due diligence* kepada pihak ketiga sebelum penerimaan pelaksanaan perkhidmatan rangkaian MyGov*Net.

■1110

Jadi, sepatutnya ada *due diligence* sebelum penerimaan pelaksanaan perkhidmatan rangkaian tersebut.

Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada MAMPU pada 27 Ogos 2021, pelantikan pihak ketiga perlu mendapat kelulusan pihak kerajaan seperti yang dinyatakan dalam kontrak. Klausa tersebut membolehkan pihak kerajaan melaksanakan *due diligence* melalui tadbir urus projek iaitu perakuan dan kelulusan Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pemandu MyGov*Net. *Due diligence* kontraktor– pihak ketiga bagi penilaian tahap keselamatan dilakukan semasa kelulusan mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan kelulusan mesyuarat Jawatankuasa Pemandu MyGov*Net pada Januari 2021 dan 12 Januari 2021. Jadi, telah dilakukan.

Seterusnya...

Tuan Pengerusi: Kejap Datuk. Sila Yang Berhormat.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Datuk, saya ingin bertanya. Tadi di awal ada suatu pemerhatian audit bahawa klausa *on a preventive maintenance is not included, the contract. Now, you pointed out that* klausa berkenaan *due diligence* pun *not included in the contract.* Agak-agak ada lagi ke klausa-klausa yang sepatutnya dilihat perlu ada tetapi tidak ada dalam kontrak ini supaya kita dapat *evaluate whether this contract is inclusive or comprehensive* ataupun banyak kekurangannya.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Secara keseluruhannya, kita tengok ada kekurangan-kekurangan tertentu dari segi kontrak ini seperti yang kita jumpai yang saya sebutkan *due diligence, preventative maintenance* dan sebagainya. Akan tetapi keseluruhannya, ia tidak sangat menjejaskan perkhidmatan yang diberikanlah walaupun berlaku kelewatan dan sebagainya. Akan tetapi, secara keseluruhannya projek ini berjalan dengan baik. Maknanya output pun secara rata-ratanya kita berpuas hati.

Sebab itu seperti yang saya katakan tadi, kita tidak bawa isu-isu punitif, tidak ada secara keseluruhannya Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Maknanya ada kelemahan tetapi kelemahan-kelemahan itu secara relatifnya kecil berbanding dengan

kos projek yang RM6 bilion— RM4 bilion tambah, jadi RM6 bilion. Jadi tidak banyak secara relatifnya.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Sebagai tambahan soalan. *Your calculation for LAD was about RM13,000* tetapi dibayar RM75,000. Di mana *discrepancy* antara *your calculation and* lebihnya dibayar itu *because* saya yakin audit punya *calculation is very detail— you look deep into it but* dibayar lebih. Macam mana boleh jadi lima kali ganda boleh dapat?

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Audit ini sebab kita bukan *implementor.* Jadi maklumat-maklumat *detail* ini mungkin kita tidak dapat *feedback,* yang *detail*. *So,* berasaskan *calculation* kasar. Bila dia tidak bagi maklumat masa itu, masa kita hendak buat *report* dia tidak bagi maklumat. Jadi kita *calculate*— kita hendak tahu berapa lebih kurang. Jadi kita tahu bahawa tidak *accurate because* kalau orang tanya berapa, kita boleh agaklah. *According to our calculation* sekian-sekian banyak.

Akan tetapi sebagai *implementor,* MAMPU lebih tahu apa isu-isu yang lebih *detail*. Jadi begitulah bila kita buat audit, tidak semua maklumat kita dapat semasa kita hendak buat itu. Saya minta Dr. Aida jelaskan.

Tuan Pengerusi: Ya, sila. Boleh bagi nama untuk tujuan *Hansard.*

Encik Mohd Shakib bin Ishak [Penolong Pengarah Audit Sektor Audit Prestasi (Bahagian Audit ICT), Jabatan Audit Negara]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Datuk Ketua Audit Negara dan semua ahli mesyuarat. Saya Shakib dari Jabatan Audit Negara.

Cuma saya hendak tambah sedikit Yang Berhormat Tuan Pengerusi, untuk makluman Yang Berhormat, untuk penilaian yang kita buat kiraan ini kita berdasarkan kontrak. Seperti yang sedia maklum bila dikenakan denda, denda ini mengikut spesifik harga mengikut setiap bangunan.

Akan tetapi, semasa kita membuat pengauditan kita mendapati pihak MAMPU masih belum bersedia untuk memberikan amaun-amaun yang sepatutnya diberikan LAD, tetapi kami mengambil kira sebagai contoh di dalam kontrak yang tertulis untuk kiraan secara setara. Maknanya satu bangunan kita ambil contoh RM80,000. Sebab itu, yang kita akan ambil secara keseluruhan. Contoh RM80,000 darab 10 macam itu. Akan tetapi, bila yang sebenar ia perlu mengikut hari dan nilai *building* itu sendiri, untuk makluman Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Datuk, sebelum kita sambung. Kita sudah sampai enam isu. Jumlah kita ada 13 kan, tidak silap saya. Apa yang saya nampak seperti yang dibangkitkan oleh ahli-ahli tadi. *The amount is relatively small* tetapi apa yang kita nampak adalah ketidakpatuhan. *I mean the lack of*— apa yang kekurangan

adalah kekurangan dari segi pemantauan, pentadbiran kontrak, kelemahan dalam segi itu.

Isu saya begini. Mungkin sekiranya Datuk daripada pengalaman Datuk, sama ada di pihak MAMPU atau JPM ini sepatutnya ada satu badan untuk *supervise* ataupun *oversee* perjalanan kontrak sepanjang masa ataupun memang tidak ada badan tersebut. *So,* mungkin soalan ini pun kita akan tanya kepada pihak saksi nanti tetapi saya minta pencerahan daripada Datuk terlebih dahulu.

Ya, sila Dr. Alifah.

Dr. Alifah Aida bte Lope Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, untuk makluman MAMPU ada tubuhkan satu Jawatankuasa Pemantauan Projek di mana ia akan mengadakan mesyuarat selama empat kali setahun dan ia akan *identify* status pelaksanaan projek di peringkat kementerian. Jadi, dari aspek pemantauan saya rasa *sufficient enough*-lah dari aspek kalau MAMPU hendak tubuhkan. Sebenarnya jawatankuasa tersebut telah pun ditubuhkan.

Tuan Pengerusi: Jawatankuasa ini ditubuhkan lepas audit ataupun pada permulaan projek?

Dr. Alifah Aida bte Lope Abdul Rahman: Jawatankuasa ini ditubuhkan sebelum lagi kita buat pengauditan dan sebenarnya jawatankuasa ini adalah satu jawatankuasa di peringkat *high level,* di mana setiap kementerian ada wakilnya sendiri dan dahulunya— saya lupa ada nama selain— *actually* ia *rebrand.* Sebelum ini namanya jawatankuasa *something* tetapi sekarang Jawatankuasa Pemantauan Projek.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi nampaknya dengan isu-isu yang ada kan, nampaknya Jawatankuasa Pemantauan Projek ini tidak dapat berfungsi dengan baik. Itu yang apa yang saya boleh nampak. Apa pandangan daripada audit?

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Saya rasa kalau jawatankuasa memang kalau di jawatankuasa *high level* ini, ia kena ada pula jawatankuasa bawah itu ataupun *team* yang bawah itu yang *monitor day-to-day.* Sepatutnya macam itu.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Kalau jawatankuasa *high level* ia buat *decision overall* sahaja.

Tuan Pengerusi: *So, do they have that* Datuk?

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Ada tak?

Dr. Alifah Aida bte Lope Abdul Rahman: Boleh ulang semula, maaf.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Ada *committee team,* PMO ada kan?

Dr. Alifah Aida bte Lope Abdul Rahman: PMO ada.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: *Project management office.*

Dr. Alifah Aida bte Lope Abdul Rahman: Untuk setiap projek memang ditubuhkan PMO. Untuk setiap projek sama ada projek IT ataupun projek fizikal.

Tuan Pengerusi: Okey, sila.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: PMO itu seorang sahajakah atau jawatankuasa? PMO itu?

Puan Nor Hanani binti Lias [Penolong Pengarah Audit Sektor Audit Prestasi (Bahagian Audit ICT), Jabatan Audit Negara]: Ia jawatankuasa, Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Ia pantau sepanjang masakah atau macam mana?

Puan Nor Hanani binti Lias: Macam mana?

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Ia pantau sepanjang masakah atau ia buat laporan daripada orang tertentu lagi?

Puan Nor Hanani binti Lias: Ya, betul. Ia ada satu pasukan daripada bahagian— daripada MAMPU sendiri. Ia ada satu bahagian yang memang— saya tidak ingat berapa stafnya, ahli-ahlinya tetapi ada ramai yang bertindak untuk daripada awal projek pelaksanaan sampai pemantauan. Memang PMO itu sendiri yang akan laksanakan.

Tuan Pengerusi: Okey. Datuk, sila.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Saya sambung kepada perkara yang ketujuh. Pengurusan perkhidmatan. Kita pindah kepada pengurusan perkhidmatan sekarang. Pembayaran perkhidmatan.

■1120

Kriteria adalah Arahan Perbendaharaan menetapkan pegawai yang diberi kuasa untuk memperakukan baucar bertanggungjawab memastikan perhitungan dan pengiraan adalah betul. Kontrak menetapkan kerajaan perlu membayar kepada kontraktor berdasarkan kadar yang telah ditetapkan bagi setiap lokasi. Hasil analisis audit terdapat data bayaran pada tahun 2014 hingga 2020 mendapati pembayaran bagi perkhidmatan *local area network, managed switches services* di Wisma Persekutuan Anak Bukit, Kedah bagi bulan Januari hingga Mac 2015 telah dicaj sebanyak dua kali. Pihak audit mendapati kontraktor telah mengeluarkan bil yang berbeza namun mempunyai tarikh perkhidmatan yang sama mengakibatkan bayaran lebihan sebanyak RM2,816. Bayaran dua kali.

Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada MAMPU pada 15 September 2020 dan 9 Januari 2021, pengambilan dibuat secara manual menyebabkan berlaku pertindihan caj. Tindakan penambahbaikan pengambilan MyGov*Net telah dibuat dengan mewujudkan sistem pengambilan dalam MyGovOSF pada tahun 2018. Bagi

mengelakkan perkara ini berlaku, kontraktor telah membuat semakan silang setiap bulan dengan data *Service Assurance Management System* iaitu sistem yang digunakan untuk pemantauan pengoperasian perkhidmatan MyGov*Net.

Bayaran balik berjumlah RM2,816 telah dibuat pada 4 Disember 2020. Selepas itu hijaulah, sudah selesai.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Apa yang menariknya ya, pengambilan dibuat secara manual ini. *The whole project is hi-tech kind of internet-based,* tiba-tiba bil *manually, irony*-lah. Kami *from the* syarikat yang— Cuma soalan saya, GITN ini GLC atau *private? Enterprise, private company?*

Dr. Alifah Aida bte Lope Abdul Rahman: GLC Yang Berhormat.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: GLC? Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Mana satu Datuk Wira? GITN?

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: *Main contractor. [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *Main con, okay.*

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Teruskan kepada yang kelapan ya. Pengurusan perkhidmatan, pembayaran cukai perkhidmatan. Arahan Perbendaharaan menyebut bahawa pegawai yang diberi kuasa untuk memperakukan baucar bertanggungjawab memastikan perhitungan dan pengiraan adalah betul. Berdasarkan kontrak, kerajaan perlu membayar kepada kontraktor berdasarkan kadar yang telah ditetapkan bagi setiap lokasi.

Semakan audit mendapati caj cukai perkhidmatan SST dan GST sebanyak enam peratus telah dikenakan sebanyak dua kali bagi tempoh September 2017 hingga Disember 2020 untuk perkhidmatan *point to point.* Perkara ini berlaku kerana pengambilan dikeluarkan oleh kontraktor telah mengambil kira cukai GST dan SST dalam tempoh masa yang sama. Ini menyebabkan lebihan bayaran berjumlah RM26,537. *Double payment* lah dua sekali, GST dan SST.

Berdasarkan maklum balas daripada MAMPU yang diterima pada 15 September 2020 dan 9 Januari 2021, kadar harga yang digunakan dalam pengambilan adalah berdasarkan surat kadar harga yang dikemukakan oleh kontraktor kepada MAMPU. Harga perkhidmatan ketika itu tiada dalam jadual harga kontrak. Dalam surat kadar harga tersebut, turut disertakan nilai cukai kerajaan. Apabila caj pengambilan dikira, sistem sekali lagi mengenakan caj perkhidmatan enam peratus. Bayaran balik bagi pertindihan cukai ini sebanyak RM26,537 telah pun dibuat pada 4 Disember. Sudah *settle* lah.

Kesembilan, pengurusan perkhidmatan penyelarasan pembayaran. Arahan Perbendaharaan menetapkan pegawai yang diberi kuasa untuk memperakukan bayaran bertanggungjawab memastikan perhitungan dan pengiraan adalah betul. Penemuan audit, kita dapati terdapat kesilapan pembayaran berjumlah RM38,244. Kesilapan penyelarasan mengakibatkan pihak MAMPU perlu membayar semula kepada kontraktor RM3,569. Maknanya, terkurang bayarlah ini, kena bayar balik kepada kontraktor. Ini disebabkan kaedah pengiraan, terdapat kesilapan dalam penyelarasan bagi tuntutan bayaran bulan September 2016.

Kesilapan pengiraan. Kesan lebihan, pengurangan— ada yang MAMPU terlebih bayar tadi RM38,000 itu yang terlebih bayar. Ada yang terkurang bayar RM3,569. Jadi dia kena buat *set-off, adjustment*. Pelarasan telah dibuat pada 4 Disember.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria: Tuan Pengerusi...

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Ya.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria: Mengenai tuntutan ataupun daripada kontraktor kepada MAMPU lah kan? Kepada MAMPU. Cumanya, saya hendak tahu yang pertama, jawatankuasa induk itu berada di mana? Di Kuala Lumpur ataupun berpusat ataupun di tempat lokasi-lokasi projek ini dijalankan? Kalau ditengok daripada segi prosedur biasa, biasanya tuntutan-tuntutan ini cukup teliti untuk dinilai sebelum pembayaran lebihan ataupun kekurangan di situ telah pun disemak. Itu sebab saya tanya itu. Tuntutan itu berada di negeri-negeri ataupun kena hantar tuntutan tersebut kepada MAMPU sendiri ataupun sebagainya? Terima kasih.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Minta *team* menjawab.

Encik Mohd Shakib bin Ishak: Izinkan saya menjawab Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, daripada segi setiap pengambilan yang berlaku, setiap lokasi akan dimaklumkan pengambilan itu melalui sistem. Kemudian sistem itu secara *generic* akan pergi kepada HQ yang melibatkan pegawai GITN dan MAMPU untuk dibuat pengesahan.

Walau bagaimanapun, dalam sistem hanya disemak tetapi pengiraan pengambilan dibuat secara manual seperti Yang Berhormat sedia maklum. Oleh sebab itu, apabila pihak audit telah menjalankan menggunakan *Audit Command Language* (ACL), menggunakan analisis terdapat beberapa kesalahan mengenai pengiraan yang dibuat secara manual di pihak GITN dan MAMPU. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Ya, sila Datuk.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Kesepuluh ya. Masih lagi pengurusan perkhidmatan iaitu penggunaan talian. Mengikut garis panduan pengurusan perkhidmatan rangkaian telekomunikasi kerajaan, penamatan atau turun taraf

perkhidmatan 1Gov*Net di agensi boleh dilaksanakan sekiranya tiada penggunaan atau tahap penggunaan perkhidmatan rendah tanpa sebab yang munasabah.

Penemuan audit mendapati bahawa data penggunaan rangkaian bagi tempoh Oktober 2017 sehingga Disember 2020 mendapati rangkaian MyGov*Net tidak digunakan melebihi tiga bulan berturut-turut di 61 lokasi. Namun, pihak audit mendapati pembayaran tetap juga dilakukan terhadap kontraktor berjumlah RM1.78 juta walaupun rangkaian tidak digunakan oleh pengguna. Perkara ini berlaku kerana kurangnya pemantauan pihak MAMPU terhadap penggunaan rangkaian oleh agensi.

Semakan audit selanjutnya mendapati MAMPU menjalankan pemantauan terhadap penggunaan talian oleh agensi melalui *Service Assurance Management System* dan perbincangan bersama kontrak dalam mesyuarat operasi. Laporan pemantauan penggunaan rangkaian disediakan walaupun tiada tindakan diambil untuk menamatkan perkhidmatan talian berkenaan.

■1130

Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada MAMPU pada 15 September 2020, tindakan telah diambil di 23 lokasi iaitu 19 lokasi telah ditamatkan talian, satu lokasi diturun taraf dan akan digunakan bila ada keperluan dan tiga lokasi telah menggunakan talian semula. *Email* peringatan telah dihantar kepada kementerian agensi berkenaan dan juga pelaksanaan penamatan dan turun taraf perkhidmatan MyGov*Net hanya boleh dilaksanakan selepas kementerian membuat permohonan di MyGovOSF*.* Taklimat perkhidmatan yang akan dilaksanakan dalam forum pengguna MyGov*Net. Maknanya, MAMPU menyatakan kementerian yang kena maklumkan kepada mereka. Akan tetapi, sepatutnya kalau MAMPU dah *monitor,* dia boleh tanya sebenarnya kenapa tidak gunakan berturut-turut sepatutnya macam itu. Makna dua-dua pihaklah kena bertanggungjawab. Dari segi itulah Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Saya teruskan kepada kesebelas, pengurusan perkhidmatan tahap penggunaan talian. Kita dapati bahawa kriteria tahap penggunaan— mengikut garis panduan 1Gov*Net penamatan atau turun taraf perkhidmatan 1Gov*Net di agensi boleh dilaksanakan sekiranya tiada penggunaan atau tahap penggunaan perkhidmatan rendah tanpa sebab. Analisis audit mendapati bahawa antara bulan Oktober 2017 hingga 2020 penggunaan talian yang rendah melebihi tiga bulan berturut-turut. Antara 0.01 peratus hingga 20 peratus di 11 lokasi. Pihak MAMPU memaklumkan penggunaan talian yang rendah disebabkan oleh perkara-perkara berikut. *Nature of work* pengguna di agensi yang bekerja di luar pejabat atau bekerja di lapangan. Pengguna menggunakan perkhidmatan MyGov*Net hanya untuk mengakses aplikasi kerajaan digital seperti iGFMAS, SPP 2 dan lain-lain aplikasi apabila perlu. Terdapat masalah LAN di agensi.

Semakan audit mendapati MAMPU menjalankan pemantauan terhadap talian oleh agensi melalui *service assurance management system* dan perbincangan dengan kontraktor dalam mesyuarat operasi. Laporan pemantauan penggunaan rangkaian disediakan, namun tiada tindakan yang diambil untuk turun taraf saiz lebar jalur talian berkenaan. Jumlah pembayaran kepada kontraktor dalam tempoh tersebut adalah RM653,117. Pihak audit mendapati pembayaran tersebut tetap dilakukan mengikut kadar kontrak walaupun penggunaan adalah rendah bagi tiga bulan berturut-turut.

Jadi, tindakan telah diambil di mana 11 lokasi tersebut, sembilan lokasi telah diturun taraf kepada satu *Megabytes per second* dan penggunaan rendah di dua lokasi disebabkan oleh *on demand* ataupun *work nature*.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Datuk.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Ya.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Jadi, pembayaran yang berjumlah RM653,117 ini adalah mengikut kontrak, kita kata *contractual* kah? Walaupun kurang penggunaan tetapi dia kena bayar jumlah yang sedemikian?

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Ya. Maksudnya kalau ikut kontrak memang kena bayar sebab perkhidmatan diberikan. Cuma kita bila tidak digunakan, sepatutnya kita *downgrade* supaya pembayaran itu boleh dikurangkan.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Jadi, yang ini sepatutnya agensi yang berkenaan itu patut maklumkanlah kepada...

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Ya, betul. Akan tetapi MAMPU pun dia sudah tahu ini.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Oh, dia tahu juga.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Dia sudah tahu sebab dia ada mesyuarat operasi ini. Sepatutnya dia proaktif lah juga. Bila dia tahu sepatutnya dia tanya agensi. Kenapa berlaku macam ini kan? Mungkin boleh dikurangkan atau *downgrade*.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Okey. *Thank you*. Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Tuan Pengerusi. Tanya Datuk ya. Bagi yang inilah yang tahu tentang teknologi. Saya tidak berapa tahu. Kalau kita mempunyai sistem yang berkecanggihan tinggi ini, tidakkah ada sistem *automation, where any low usage for that will be automatically recorded and the billing will be*

corresponding to it? Tidaklah menunggu dimaklumkan. *Because low use* ini mana kita hendak tahu awal-awal kita akan *low use*. Penggunaan kurang ini hanya apabila tiga bulan, oh kita dapati kurang. Takkan kita hendak *project* tiga bulan akan datang kami akan kurang gunakan. Tidak boleh. Jadi, *there must be a system, where you are connected to the amount of use* dengan *the amount of billing or charging* oleh pihak ini. Kalau tidak, siapa yang kita hendak salahkan.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Bayaran itu atas perkhidmatan. Kalau dia sediakan talian itu penuh, maknanya bayaran kena buat. Dari segi itu— dari segi kontrak kan.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: *That's why. I'm asking if there is a system, where we can automate* benda ini supaya berkait dengan *amount of traffic* yang digunakan. Kalau tidak, *forever* kita tidak boleh hendak jangka.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Betul-betul Yang Berhormat. Aida jelaskan.

Dr. Alifah Aida bte Lope Abdul Rahman: Ya, Yang Berhormat. Sebenarnya MAMPU sendiri ada sistem *assurance management system* yang dikenali sebagai SAMS untuk memantau penggunaan talian dan perkara tersebut dibincangkan dalam mesyuarat operasi. Cuma, dari aspek pemantauan itu lemah. Untuk mengatakan *notification* berkenaan dengan penggunaan talian, memang ada. Ada sistem dia sendiri. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Dia hendak tambah sedikit.

Encik Mohd Shakib bin Ishak: Saya mohon untuk tambahan sedikit Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, dari segi penemuan kami ini bukan sahaja tiga bulan berturut-turut. Kami mengambil kira itu adalah skop kami punya semakan tiga bulan. Walau bagaimanapun, semakan yang kami keluarkan ini adalah merangkumi tujuh bulan ke atas. Tujuh bulan sehingga 27 bulan yang mengalami penggunaan yang rendah. Itu sahaja Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ya. Terima kasih. Ya, Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Ya, Tuan Pengerusi betullah itu. Oleh sebab itu, macam *pathologist*-lah. Dia tahu *everything* tetapi *patient* dah mati. Kita tidak boleh buat apa lagi dah. Ini yang kita— maksudnya *kind of preventive mechanism* yang ada dengan kecanggihan ini, saya yakin MAMPU sebagai agensi pemodenan ini, *they are very much in the know*. Jadi, dapatan audit ini mengejutkan jugalah.

Tuan Pengerusi: Okey. Datuk, cuma sekarang sudah jam 11.37 pagi. Saya nampak slaid ada banyak lagi. Mungkin Datuk boleh *pick up* slaid yang lebih penting. Ini kerana *I think* saksi sudah ada dekat luar. 11.30 pagi. Terima kasih Datuk.

Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid: Terima kasih. Ini nombor 12 dan 13, dua lagi. Tinggal dua lagi. Saya terus kepada ini. Kriteria dari segi tempoh keseluruhan proses permohonan talian baharu, naik atau turun taraf talian sehingga dikeluarkan oleh MAMPU adalah 30 hari. Manakala ada permohonan 30 hari yang MAMPU kena luluskanlah. Kita dapati bahawa permohonan untuk talian baharu dan sebagainya melebihi tempoh 30 hari antara 31 hari hingga 2,160 hari. Makna panjanglah tempoh itu. Sepatutnya 30 hari sahaja. Jadi, ini— begitu juga dengan tempoh penamatan dan perpindahan talian kelewatan antara dua hari hingga 358 hari. Itu kelewatan. Kalau maknanya lama mengambil masa yang panjang menyebabkan perkhidmatan itu tidak boleh, rugilah. Setengah itu kita tidak dapat naik taraf ataupun turun taraf. Yakni yang ke-12.

Slaid ke-13 yang terakhir adalah perubahan teknologi rangkaian MyGov*Net. Kelewatan penamatan perkhidmatan lama dan kesannya kita dapati bahawa 122 lokasi telah dikenal pasti oleh MAMPU untuk menukar teknologi rangkaian. Walau bagaimanapun, berlaku kelewatan penamatan perkhidmatan lama menyebabkan lokasi tersebut menggunakan dua teknologi rangkaian pada masa yang sama. Dua-dua ya. Yang lama tidak tamatkan tetapi yang baharu sudah sediakan dan terpaksa bayar RM2.46 juta. Disebabkan dua teknologi. Jadi, ikut maklum balas yang kita terima bayaran balik berjumlah RM343,000 untuk 113 lokasi telah dibuat pada 12 Oktober 2020.

■1140

Pelarasan RM2.1 juta termasuk cukai perkhidmatan akan dibuat dalam tuntutan pengambilan. MAMPU akan mengambil tindakan pembetulanlah perkara ini.

Seterusnya ialah rumusan. Secara keseluruhan, dapat dirumuskan bahawa perkhidmatan MyGov*Net memuaskan dari aspek capaian kepada aplikasi kerajaan dan dalaman agensi. Maknanya keseluruhannya boleh kita kata puas hatilah keseluruhannya. Bagaimanapun, aspek pelaksanaan, pemantauan, urusan kontrak dan kawalan di peringkat MAMPU dan agensi adalah tidak memuaskan. Selain daripada itu, terdapat kelemahan dalam pengurusan kewangan.

Di akhir sekali, kita syorkan tiga syor utama iaitu pengurusan kontrak perlu memihak kepada kerajaan dengan menyatakan klausa berkenaan dengan sasaran bilangan lokasi, kekerapan pelaksanaan penyelenggaraan, pencegahan dan juga had minimum saiz lebar jalur bagi semua teknologi yang diterima oleh agensi. Itu yang pertama. Kedua, memastikan pengurusan kewangan termasuk pemantauan penggunaan rangkaian adalah efektif, pembayaran selaras dengan penggunaan, mengenakan LAD bagi perkhidmatan yang lewat dan semua kaedah pemantauan dilaksanakan secara dalam talian seperti Yang Berhormat sebut tadilah. Sepatutnya

online semua, tiada manual di bawah kawalan MAMPU. Ketiga, melaksanakan *due diligence* kepada pihak ketigalah, sebelum diterima atau *sign off* bagi setiap aktiviti yang berimpak tinggi atau yang melibatkan keselamatan rangkaian.

Itu sahaja pembentangan kami pada pagi ini Tuan Pengerusi PAC dan ahli-ahli. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih Datuk Ketua Audit Negara. Ada apa soalan lagi? Ya, sila Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Datuk, *just* ini soalan mungkin AGC boleh bantu. Mana-mana perjanjian kerajaan, *after* kita *review, say midway* kita nampak *deficiency* ataupun kekurangan yang nyata, adakah klausa di mana kita boleh buat perjanjian tambahan ataupun *another agreement*? Boleh bantu?

Puan Hamizah Abd. Manaf: Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, memang setiap dalam perjanjian kerajaan, kita ada satu *provision* berhubung dengan pindaan kepada kontrak. *If let's say* kalau ada penambahbaikan daripada pihak kerajaan, bolehlah dipinda perjanjian itu. Akan tetapi *per as long*— sebab ia perjanjian, kita perlu ada persetujuan daripada kedua-dua pihaklah. Akan tetapi memang kita ada *that provision* yang kata *if let's say* kalau kerajaan rasa ada lagi penambahbaikan, kita boleh pinda berdasarkan persetujuan pihak-pihak.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Mungkin AGC juga boleh bagi pandangan ya. Dalam hal-hal seperti begini, sebab dia *high technology*, semua benda yang baharu, mungkin *normally* peguam-peguam tak berapa mahirlah dengan apa-apa yang perlu dibuat dalam hal-hal seperti begini. Adakah kamu garis panduan menengok dalam hal-hal seperti beginilah?

Puan Hamizah Abd. Manaf: Yang Berhormat, biasanya perkara-perkara teknikal ini kita memang *depends* kepada mereka daripada teknikallah untuk maklumkan dekat AGC, apakah yang perlu ada di dalam perjanjian. *If let's say* kalau macam teknikal kata kemungkinan ada penambahbaikan selepas ini, kita mungkin boleh *advice* yang kata kita masukkanlah peruntukan yang mana jika ada penambahbaikan, apa yang kita – hak kitalah.

Tuan Pengerusi: Okey. Saya nak tanya AGC, dalam kontrak-kontrak sebegini, siapa yang akan drafkan kontrak ini, sama ada AGC atau bergantung kepada PUU di kementerian ataupun jabatan masing-masing?

Puan Hamizah Abd. Manaf: Dia *depends* Yang Berhormat. Kalau macam penswastaan biasanya AGC yang semak dengan pihak PUU UKAS. Dia bergantung juga kepada nilai kontrak.

Tuan Pengerusi: Ada apa *guideline* tak? *So that*, kita tahu *next time* kita tengok ini lebih daripada RM1 bilion, AGC *level* mana yang akan *check* dan sebagainya.

Puan Hamizah Abd. Manaf: Biasanya penswastaanlah. Kita akan pergi kepada AGC sendiri untuk semak. Jika kontrak-kontrak itu berkaitan dengan teknikal di bawah contohnya macam pembelian barang-barang yang tidak melibatkan penswastaan, biasanya PUU kementerianlah.

Tuan Pengerusi: Okey. *So*, di hadapan kita ini adalah penswastaanlah?

Puan Hamizah Abd. Manaf: Ya, betul.

Tuan Pengerusi: Okey. Terima kasih. Okey. Jika tak ada, terima kasih saya ucapkan kepada Datuk Ketua Audit Negara dan juga Dr., bersama-sama dengan *team* audit*. So,* tanpa membuang masa, sekretariat sila uruskan supaya saksi-saksi boleh masuk. Terima kasih.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: *Chairman. Chairman, I just want to ask. This is off topic. In our meeting here right, is there any possibility* kalau kita dapatkan perkhidmatan nasihat pakar *in terms of specific issues* macam— *Yes, I am well-versed in the IT, but more on software but not in the hardware. So, sometimes* saya tengok *like this issue, all of us* pun *not in the picture also, some of the terms, everything. Is there any possibility like* macam *pre-meeting, we can have some advice from...*

Tuan Pengerusi: *Yes. Pre-meeting definitely yes. Okay.* Saya bagi contoh *like the DBKL issue. DBKL issue, we actually called one of the lawyers who is an activist in DBKL issue to come and brief us in the proceeding. So, we actually do that. So, for any of these issues that if you feel you have anyone that can assist us in getting a better understanding over the issue, you may suggest anytime. Then, we can call them either I think it can be before or after this kind of proceeding. Okay?*

[Saksi-saksi dari Jabatan Perdana Menteri mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]

DOKUMEN PEMBENTANGAN

PERKHIDMATAN RANGKAIAN TELEKOMUNIKASI BERSEPADU KERAJAAN

MyGOV*NET
Connected Government

Jabatan Perdana Menteri
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)

Tarikh : 23 November 2021 (Selasa) | Masa : 10.30 pagi

ISI KANDUNGAN

1. **LATAR BELAKANG & OBJEKTIF PROJEK**
2. **SKOP PERKHIDMATAN**
3. **OBJEKTIF & SKOP PENGAUDITAN**
4. **ISU AUDIT**

a. *Services Level Guarantee*
b. Penyenggaraan Pencegahan
c. Perkhidmatan Pilihan
d. Perkhidmatan Berwayar PCN
e. Perkhidmatan Tanpa Wayar PCN
f. Perkhidmatan Keselamatan Rangkaian PCN
g. Pembayaran Perkhidmatan
h. Pembayaran Cukai Perkhidmatan
i. Pelarasan Pembayaran
j. Penggunaan Talian
k. Tahap Penggunaan Talian
l. Tempoh Kelulusan oleh MAMPU
m. Perubahan Teknologi Rangkaian MyGov*Net

5. **RUMUSAN**
6. **SYOR AUDIT**

1. LATAR BELAKANG & OBJEKTIF PROJEK

LATAR BELAKANG

- Rangkaian telekomunikasi Kerajaan diuruskan secara berpusat.
- Infrastruktur khusus hubungkan agensi-agensi Kerajaan.
- Kesinambungan daripada perkhidmatan rangkaian EG*Net (sejak 1999)
- Rundingan terus – GITN Sdn. Bhd.
- Tempoh:10 tahun (01.01.2013 – 31.12.2022)
- Kos Asal: **RM4.368 bilion**
- Pertambahan kos: **RM1.940 bilion**
- Kos keseluruhan: **RM6.308 bilion**
- Bayaran: **RM4.758 bilion** (sehingga Disember 2020)

OBJEKTIF

- Mewujudkan satu (1) infrastruktur rangkaian telekomunikasi ICT bersepadu Kerajaan yang selamat khusus untuk sektor awam dan diuruskan secara berpusat.
- Menyediakan satu platform kepada agensi-agensi Kerajaan bagi membolehkan capaian kepada aplikasi-aplikasi Kerajaan yang dibangunkan secara elektronik, aplikasi dalaman agensi (intranet agensi) dan capaian internet.

2. SKOP PERKHIDMATAN



3. OBJEKTIF & SKOP PENGAUDITAN

OBJEKTIF

Menilai sama ada pengurusan perkhidmatan rangkaian MyGov*Net dilaksanakan secara berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif pelaksanaannya.

SKOP

01 TEMPOH

- 2013 – 2020

02 BIDANG UTAMA AUDIT

1. Prestasi Perkhidmatan
2. Pengurusan Perkhidmatan

03 PRESTASI PERKHIDMATAN

1. Pencapaian Output
   - Penyampaian *deliverables*
2. Pencapaian Keberhasilan (Outcome)
   - Penilaian Perkhidmatan

04 PENGURUSAN PERKHIDMATAN

1. Pengurusan Kewangan
2. Pemantauan Perkhidmatan

4. ISU AUDIT

1. PENCAPAIAN OUTPUT

- ***Service Level Guarantee* (SLG) [Perenggan 5.1.1.1. (iv)]**

KRITERIA

- Pihak kontraktor hendaklah mematuhi ketetapan SLG yang telah ditetapkan.
- Pihak Kerajaan berhak menuntut rebat sekiranya kontraktor gagal mencapai *downtime* dan SLG yang telah ditetapkan.

PENEMUAN AUDIT

- Dua aduan tidak mencapai SLG, melebihi *downtime*. Rebat tidak diterima RM254.
- Tempoh *downtime* dibenarkan : 2 jam 17 minit.
- *Downtime* sebenar: 7 jam 53 minit dan 11 jam 16 minit.

RINGKASAN MAKLUM BALAS AGD

- Kesilapan mengekstrak data bulan Januari 2019 dan September 2019.
- Bayaran balik pada 4 Disember 2020.

4. ISU AUDIT

2. PENCAPAIAN OUTPUT

- **Penyenggaraan Pencegahan [Perenggan 5.1.1.1. (v)]**

KRITERIA

- Pihak kontraktor perlu melaksanakan aktiviti penyenggaraan pencegahan bagi mengelakkan berlakunya gangguan sumber tenaga yang melibatkan IP *network* serta peralatan rangkaian.

PENEMUAN AUDIT

- Mekanisma pemantauan penyenggaraan pencegahan tiada dalam kontrak.
- Laporan secara berkala tidak disediakan.
- Status pemantauan penyenggaraan pencegahan tahun 2014 hingga 2016 tidak dapat disahkan.

RINGKASAN MAKLUM BALAS AGD

- Penyenggaraan pencegahan merupakan kaedah bagi memastikan SLG dapat dicapai.
- Semua peralatan rangkaian MyGov*Net dan penyenggaraan pencegahan di bawah tanggungjawab kontraktor.

4. ISU AUDIT

3. PENCAPAIAN OUTPUT

- **Perkhidmatan Pilihan [Perenggan 5.1.1.2.]**

KRITERIA

- Pihak kontraktor perlu membuat lawatan tapak untuk mengenal pasti lokasi fizikal dan ketersediaan tapak.

PENEMUAN AUDIT

- Kontraktor menamatkan talian tanpa membuat tinjauan di lokasi.
- Kesan: agensi tidak mendapat perkhidmatan MyGov*Net 44 hari.

RINGKASAN MAKLUM BALAS AGD

- Kontraktor menamat talian tujuh hari selepas tarikh penamatan perkhidmatan dikeluarkan dan dilaksanakan secara automatik melalui sistem.
- Agensi memaklumkan perpindahan ditangguhkan setelah talian ditamatkan.

4. ISU AUDIT

4. PENCAPAIAN OUTPUT

- **Perkhidmatan Berwayar PCN [Perenggan 5.1.1.4.(a)]**

KRITERIA

- Berdasarkan kontrak, perancangan pemasangan perkhidmatan berwayar PCN dijadualkan pada bulan Januari hingga September 2019.

PENEMUAN AUDIT

- Kelewatan pemasangan.
- LAD belum dikenakan kepada kontraktor.
- Anggaran kiraan LAD: RM143,469.
- Sebab: kelewatan pembekalan peralatan oleh kontraktor.

RINGKASAN MAKLUM BALAS AGD

- LAD kelewatan perkhidmatan berwayar masih dalam semakan pihak MAMPU dijangka selesai pada Disember 2021.

4. ISU AUDIT

5. PENCAPAIAN OUTPUT

- **Perkhidmatan Tanpa Wayar PCN [Perenggan 5.1.1.4.(b)]**

KRITERIA

- Berdasarkan kontrak, perancangan pemasangan perkhidmatan tanpa wayar PCN dijadualkan pada bulan Jun 2018 hingga Mac 2019.

PENEMUAN AUDIT

- 10 bangunan Kerajaan mengalami kelewatan pemasangan.
- LAD belum dikenakan. Anggaran LAD: RM13,996.
- Sebab: kelewatan pembekalan peralatan oleh kontraktor.
- Kesan: agensi lambat dapat menggunakan perkhidmatan.



RINGKASAN MAKLUM BALAS AGD

- LAD bagi perkhidmatan tanpa wayar PCN MS berjumlah RM75,342.32 dibayar pada 25 Jun 2021.

4. ISU AUDIT

6. PENCAPAIAN OUTPUT

- **Perkhidmatan Keselamatan Rangkaian PCN [Perenggan 5.1.1.4.(c)]**

KRITERIA

- Kontraktor hendaklah membekalkan Perkhidmatan Keselamatan Rangkaian PCN yang terdiri daripada dua elemen iaitu infra keselamatan rangkaian (berwayar dan tanpa wayar) dan sistem sokongan PCN.

PENEMUAN AUDIT

- Kontraktor melantik pihak ketiga untuk laksanakan Penilaian Tahap Keselamatan ICT.
- Tiada klausa kontrak berkenaan *due diligence* sebelum penerimaan pelaksanaan Perkhidmatan Rangkaian MyGov*Net.

RINGKASAN MAKLUM BALAS AGD

- *Due diligence* lantikan kontraktor pihak ketiga bagi Penilaian Tahap Keselamatan ICT dilakukan semasa Mesyuarat JKT dan JKP Bil. 1/2021 pada 11 Januari 2021 dan 12 Januari 2021.

4. ISU AUDIT

7. PENGURUSAN PERKHIDMATAN

- **Pembayaran Perkhidmatan [Perenggan 5.2.2.(a)]**

KRITERIA

- Arahan Perbendaharaan 102 (a) (iv) menetapkan bahawa pegawai yang diberi kuasa untuk memperakui baucar bertanggungjawab memastikan perhitungan dan pengiraan adalah betul.
- Kontrak menetapkan Kerajaan perlu membayar kepada kontraktor berdasarkan kadar yang telah ditetapkan bagi setiap lokasi.

PENEMUAN AUDIT

- Pembayaran perkhidmatan *Local Area Network - Managed Switch Services* dicaj dua kali.
- Kesan: lebihan bayaran RM2,816.

RINGKASAN MAKLUM BALAS AGD

- Pengebilan dibuat secara manual menyebabkan berlaku pertindihan caj.
- Bayaran balik RM2,816 dibuat pada 4 Disember 2020.

4. ISU AUDIT

8. PENGURUSAN PERKHIDMATAN

- **Pembayaran Cukai Perkhidmatan [Perenggan 5.2.2.(b)]**

KRITERIA

- Arahan Perbendaharaan 102 (a) (iv) menetapkan bahawa pegawai yang diberi kuasa untuk memperakui baucar bertanggungjawab memastikan perhitungan dan pengiraan adalah betul.
- Berdasarkan kontrak para 12.4.1 menetapkan Kerajaan perlu membayar kepada kontraktor berdasarkan kadar yang telah ditetapkan bagi setiap lokasi.

PENEMUAN AUDIT

- Caj cukai perkhidmatan (SST/GST) dikenakan dua kali.
- Sebab: pengebilan mengambil kira percukaian GST dan SST dalam tempoh masa yang sama.
- Kesan: lebihan bayaran berjumlah RM26,537.

RINGKASAN MAKLUM BALAS AGD

- Caj cukai perkhidmatan 6.0% di kenakan pada kadar harga pengebilan dan sistem.
- Bayaran balik RM26,537 dibuat pada 4 Disember 2020.

4. ISU AUDIT

9. PENGURUSAN PERKHIDMATAN

- **Pelarasan Pembayaran [Perenggan 5.2.2.(c)]**

KRITERIA

- Arahan Perbendaharaan 102 (a) (iv) menetapkan bahawa pegawai yang diberi kuasa untuk memperakui baucar bertanggungjawab memastikan perhitungan dan pengiraan adalah betul.

PENEMUAN AUDIT

- Kesilapan pelarasan bayaran berjumlah RM38,244.
- Kesilapan pelarasan mengakibatkan pihak MAMPU perlu membayar semula kepada kontraktor berjumlah RM3,569.
- Sebab: kesilapan kaedah pengiraan.
- Kesan: lebihan dan kurangan bayaran/pelarasan.

RINGKASAN MAKLUM BALAS AGD

- MAMPU telah menambahbaik formula pengebilan bagi mengelakkan kesilapan berulang.
- Bayaran balik bagi kesilapan pelarasan telah dibuat pada 4 Disember 2020.

4. ISU AUDIT

10. PENGURUSAN PERKHIDMATAN

- **Penggunaan Talian [Perenggan 5.2.2.(d)]]**

KRITERIA

- Garis Panduan Pengurusan Perkhidmatan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan (1Gov*Net), penamatan atau turun taraf perkhidmatan boleh dilaksanakan sekiranya tiada penggunaan atau tahap penggunaan perkhidmatan rendah tanpa sebab yang munasabah.

PENEMUAN AUDIT

- Rangkaian tidak digunakan melebihi tiga bulan.
- Pembayaran berjumlah RM1.78 juta.
- Sebab: kurang pemantauan daripada MAMPU.
- Kesan: pembaziran sumber kewangan Kerajaan.

RINGKASAN MAKLUM BALAS AGD

- Tindakan yang telah diambil bagi 23 lokasi:
  a. 19 lokasi telah ditamatkan talian;
  b. satu lokasi telah dituruntaraf dan akan digunakan bila ada keperluan; dan
  c. tiga lokasi telah menggunakan talian semula.
- Emel peringatan telah dihantar kepada Kementerian/Agensi berkenaan.

4. ISU AUDIT

11. PENGURUSAN PERKHIDMATAN

- **Tahap Penggunaan Talian [Perenggan 5.2.2.(e)]**

KRITERIA

- Garis Panduan Pengurusan Perkhidmatan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan (1Gov*Net), penamatan atau turun taraf perkhidmatan boleh dilaksanakan sekiranya tiada penggunaan atau tahap penggunaan perkhidmatan rendah tanpa sebab yang munasabah.

PENEMUAN AUDIT

- Penggunaan talian rendah melebihi tiga bulan.
- Jumlah pembayaran sebanyak RM653,117.00.
- Sebab: kurang pemantauan daripada MAMPU.
- Kesan: pembaziran sumber kewangan Kerajaan.

RINGKASAN MAKLUM BALAS AGD

Tindakan yang telah diambil bagi 11 lokasi:

a. sembilan lokasi telah diturun taraf kepada 1Mbps;

b. penggunaan rendah di dua lokasi disebabkan oleh *on demand* (work nature).

MAMPU mengeluarkan emel notifikasi penggunaan rendah dan dapatkan justifikasi dari agensi. Lawatan inspektorat turut dilaksanakan.

4. ISU AUDIT

12. PENGURUSAN PERKHIDMATAN

- **Tempoh Kelulusan Oleh MAMPU [Perenggan 5.2.3.(a)]**

KRITERIA

- Tempoh keseluruhan proses permohonan talian baharu, naik/turun taraf talian agensi sehingga NTC dikeluarkan kepada kontraktor adalah selama 30 hari bergantung kepada kompleksiti permohonan.

PENEMUAN AUDIT

- NTC bagi permohonan talian baharu dan naik/turun taraf talian melebihi tempoh 30 hari.
- Tempoh proses kelulusan permohonan penamatan dan perpindahan talian tidak dinyatakan dalam SOP.

RINGKASAN MAKLUM BALAS AGD

- Tempoh masa tidak ditetapkan dalam mengeluarkan NTC:
  a. agensi dibenarkan untuk membuat permohonan awal sekiranya maklumat telah tersedia.
  b. NTC dikeluarkan oleh pihak Pasukan Projek akan disesuaikan dengan situasi sebenar.
- SOP permohonan telah ditambah baik dengan memasukkan bilangan hari bagi proses kelulusan dan pengeluaran NTC.

4. ISU AUDIT

13. PENGURUSAN PERKHIDMATAN

- **Perubahan Teknologi Rangkaian MyGov*Net [Perenggan 5.2.3.(b)]**

PENEMUAN AUDIT

- Kelewatan penamatan perkhidmatan lama.
- Kesan: 122 lokasi menggunakan dua jenis teknologi rangkaian. Lebihan bayaran RM2.46 juta.

RINGKASAN MAKLUM BALAS AGD

- Bayaran balik berjumlah RM343,386.57 (113 lokasi) dibuat pada 12 Oktober 2020.
- Pelarasan RM2,150,098.28 (termasuk cukai perkhidmatan) akan dibuat dalam tuntutan pengebilan.

5. RUMUSAN

Perkhidmatan MyGov*Net:

- ❑ Memuaskan dari aspek capaian kepada aplikasi Kerajaan dan dalaman agensi.
- ❑ Tidak memuaskan dari aspek pelaksanaan, pemantauan, pengurusan kontrak, kawalan di peringkat MAMPU dan agensi.
- ❑ Terdapat kelemahan dalam pengurusan kewangan.

6. SYOR AUDIT



01 Pengurusan kontrak memihak kepada Kerajaan.

02 Pengurusan kewangan dan semua kaedah pemantauan dilaksanakan secara dalam talian di bawah kawalan MAMPU.

03 Melaksanakan *due diligence* kepada pihak ketiga.

SEKIAN
TERIMA KASIH